

# UMS bina rumah nelayan miskin di Kg Kupang dan Kuala Abai

UB 18/05/2012 AS

Oleh HENRY BATIN

hbating@gmail.com

KOTA BELUD: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempunyai keprihatinan untuk membantu keluarga daif di negeri ini untuk keluar dari belenggu kesusahan hidup menerusi pelaksanaan program kemasyarakatan melibatkan pelajar.

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Hj Md Mansur berkata untuk mencapai matlamat itu, pihaknya melaksanakan Program 'Blue Ocean Strategy' membina rumah keluarga nelayan yang memerlukan yang dikendalikan bersama Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (Maskum).

"Program ini ternyata memberi impak tinggi terhadap perkembangan insaniah kalangan pelajar terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja sukarela," katanya selepas majlis penyerahan rumah kepada keluarga Tisek Sirom di perkampungan Nelayan Kg Kupang, Kuala Abai di sini kelmarin.

Dr Kasim seterusnya menjelaskan bahawa pihak UMS akan terus menyokong program kemasyarakatan itu agar lebih banyak keluarga nelayan daif mendapat manfaat daripada khidmat sosial berkenaan.

Di bawah program fasa pertama itu, sebuah rumah telah dibina untuk keluarga Tisek yang didirikan secara bergotong-royong oleh pelbagai pihak dikendalikan JPAM, penduduk dan kalangan pelajar UMS yang menjadi anggota pasukan ala pertahanan Palapes, Suksis dan Sispas. Rumah itu siap pembinaannya selama 15 hari.

Hadir menyerahkan kunci rumah itu ialah Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur, Datuk Japlin Akim dengan disaksikan Dr Kasim, Prof Madya Dr Fadzil Che Din, Timbalan Naib Canselor Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM) yang juga Pengurus Maskum IPTA Malaysia, Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Lt Kol Prof Madya Dr Ismail Ali dan Ketua Jabatan HEP UMS, Kapten Darwis Awang.

Tisek yang ditemui selepas majlis penyerahan rumah itu dengan amat terharu menyatakan rasa terima kasih atas bantuan yang dihulurkan oleh UMS dan kerajaan.

Japlin yang juga Adun Usukan menyifatkan program itu sebagai satu usaha murni para pelajar UMS dan anggota JPAM Sabah dalam membantu masyarakat di Sabah.

Sementara itu, Dr Ismail selaku Pengurus Maskum UMS menyatakan pihaknya akan memperluaskan lagi program 'Blue Ocean Strategy' itu dengan harapan lebih kerap pelajar dilibatkan bagi melahirkan modal insan yang prihatin dan berdaya usaha.



**SEBAHAGIAN anggota sukarelawan yang terlibat dalam pembinaan rumah nelayan secara bergotong-royong.**